

# Annuar sedih tiada wakil Kelantan di kabinet 1991

KUALA LUMPUR 11 Dis.  
— Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa sedih kerana negeri itu tidak mempunyai wakil dalam kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir semalam.

Katanya, tanpa wakil di kabinet rakyat kelantan akan menghadapi sedikit masalah dalam mendapat peruntukan serta bantuan dari pusat berbanding negeri-negeri lain.

Bagaimanapun katanya, hakikat itu perlu diterima oleh mereka yang menolak kehadiran wakil Barisan Nasional di negeri itu pada pilihan raya yang lalu.

“Saya tidak kecewa, cuma merasa sedih bagi pihak orang Kelantan kerana tidak mempunyai wakil di kabinet,” katanya ketika dihubungi hari ini.

---

## Kekosongan

Semalam pada sidang akhbar, Dr. Mahathir berkata, barisan kabinet itu tidak mempunyai wakil dari Kelantan dan Terengganu kerana calon daripada kedua-dua negeri itu perlu dilantik sebagai ahli Dewan Negara terlebih dahulu.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, sekarang tidak ada kekosongan di Dewan Negara dan calon dari kedua-dua negeri itu mungkin akan dipertimbangkan pada masa depan.

Pada pilihan raya umum 29 November lalu, hanya Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Tengku Razaleigh Hamzah menang kerusi Parlimen di Kelantan manakala di Terengganu semua calon Parlimen tumpas.

Menurut Annuar, pelantikan wakil dari Kelantan dalam kabinet bukan satu kemestian.

“Tidak ada dalam perlembagaan yang mengatakan mesti ada menteri dari Kelantan. Cuma pada saya, orang Kelantan akan rugi, kalau wakil di kementerian tertentu mereka akan mempunyai sedikit kelebihan,” katanya.